

ISTIADAT PEMASYHURAN KDYMM SPB YDP AGONG XV SULTAN MUHAMMAD V SEBAGAI CANSELOR DAN KONVOKESYEN KE-8 UPNM

 airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2644-istiadat-pemasyhuran-kdymmm-spb-ydp-agong-xv-sultan-muhammad-v-sebagai-canselor-dan-konvokesyen-ke-8-upnm

SUNGAI BESI, 7 Nov 17 – Pemangku Panglima Tentera Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM telah menghadiri Istiadat Pemasyhuran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V sebagai Canselor dan Konvokesyen Ke-8 Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) yang berlangsung hari ini.

Tahun ini seramai 653 orang graduan bergraduat. 7 orang graduan dianugerahkan Doktor Falsafah (PhD) dan 26 orang graduan dianugerahkan Sarjana (MSc). 558 orang graduan dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda yang terdiri daripada 368 Pegawai Kadet dan 190 orang Graduan Awam. Manakala 62 orang graduan dianugerahkan Diploma.

Istiadat Konvokesyen kali ini turut diserikan dengan penganugerahan Hadiah Akademik kepada 26 orang graduan Ijazah Sarjana Muda dan 3 orang graduan Diploma.

UPNM juga turut menganugerahkan Ijazah Kehormat kepada YBhg Brig Jen Dato' Abdul Latif bin Ahmad (Bersara) yang menerima Ijazah Kehormat Sarjana dalam bidang Pengajian Strategik dan Hubungan Antarabangsa.

Turut hadir pada Istiadat Pemasyhuran dan Konvokesyen ini adalah Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Panglima Angkatan Tentera, YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor serta Panglima-panglima Perkhidmatan yang lain.



